

29 OCT 2003

Mahathir-Merdeka

M'SIA AKAN PERTAHAN KEMERDEKAAN WALAU BANTUAN LUAR DISEKAT, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 29 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bangga negara akan dapat mempertahankan kemerdekaannya walaupun bantuan kewangan luar mungkin disekat.

Beliau berkata Malaysia mampu terus mempertahankan kemerdekaan negara ini walaupun tidak mendapat bantuan kewangan dari negara maju seperti Amerika Syarikat.

"Kalau mereka hendak simpan duit, simpanlah, kita tidak perlukan duit mereka," katanya pada majlis Nur Ramadhan 2003 dan majlis berbuka puasa bersama Perdana Menteri anjuran Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan.

Baru-baru ini senat Amerika Syarikat mencadangkan agar bantuan kewangan latihan ketenteraan kepada Malaysia yang dianggarkan lebih US\$1 juta dihentikan sebagai balasan kononnya Dr Mahathir anti-semitik.

Amerika Syarikat menganggap demikian setelah ucapan Dr Mahathir pada Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya baru-baru ini dipetik di luar konteks.

Dr Mahathir juga berkata terdapat kebebasan agama di negara ini walaupun sesetengah pihak mendakwa sebaliknya.

Beliau berkata sebagai bukti, kaum Cina dan India yang datang ke negara ini beratus-ratus tahun dahulu bebas menganut agama masing-masing tanpa dipaksa.

Katanya keadaan ini berbeza di setengah-tengah negara apabila "kaum hamba" yang diculik masuk dipaksa menganut agama "tuan mereka".

Perdana Menteri juga berkata sifat hormat menghormati antara satu agama dengan yang lain juga boleh menghilangkan perasaan curiga antara rakyat dan seterusnya merapatkan semua kaum di negara ini.

Beliau berkata keadaan ini penting untuk keamanan dan kemajuan negara.

Katanya sebagai contoh, ramai yang bukan beragama Islam hadir pada majlis berbuka puasa dan ramai juga yang beragama Islam melawat sahabat handai mereka semasa perayaan Deepavali baru-baru ini.

Pada majlis itu, Perdana Menteri dan Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi turut menyampaikan bantuan kepada 30 orang di Masjid Negara.

Bantuan itu berupa wang tunai RM100, makanan, vitamin, pinggan mangkuk, beras dan gula.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor berkata majlis itu adalah yang keempat yang dianjurkan oleh badan perhubungan Umno berkenaan dengan seramai 6,500 orang telah menerima bantuan sedemikian sehingga kini.

Bantuan kepada yang lain akan disalurkan melalui 11 bahagian UMNO Wilayah Persekutuan.

Selepas majlis itu, Perdana Menteri dan Timbalannya menunaikan solat Maghrib di Masjid Negara.

-- BERNAMA

JM AZZ ROS